



NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 3

4hb Februari 2021

*TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN*

J. P.U. 7.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KERAJAAN TEMPATAN (DATARAN BANDARAYA)
(MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Bandaraya Johor Bahru membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Bandaraya) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) (Pindaan) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Kerajaan Tempatan (Dataran Bandaraya) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2010 [*J.P.U. 10/2011*] yang disebut sebagai “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini adalah dipinda dalam undang-undang kecil 2 dengan memasukkan selepas takrif “Datuk Bandar” takrif baru yang berikut—

‘ “kanak-kanak” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*];’.

Undang-undang kecil baru 7A

3. Undang-Undang Kecil ibu dipinda dengan memasukkan selepas sahaja undang-undang kecil 7, undang-undang kecil baru yang berikut:

“Larangan bagi kanak-kanak di bawah 18 tahun

7A. (1) Tiada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dibenarkan masuk atau/ dan berada di Dataran Bandaraya melainkan dengan pengawasan ibu bapa, penjaga, orang dewasa atau lain-lain.

(2) Tiada sebarang aktiviti yang melibatkan kanak-kanak boleh diadakan kecuali diantara jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang.

Bertarikh: 15 Ogos 2018

[MBJB/U/2017/28/UUK/3]

[SUKJ.KT. 24/69/26(25); PPUUNJ. 600-1/2/17(2)]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Johor Bahru

Disahkan: 28 Oktober 2020

[Ringkasan Mesyuarat Bil.: 1186/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF

Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan

Johor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LOCAL GOVERNMENT LAW (DATARAN BANDARAYA)

(JOHOR BAHRU CITY COUNCIL) (AMENDMENT) BY-LAWS 2020

IN exercise of the powers conferred by the section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Johor Bahru City Council makes and pursuant to section 103 of the Act the State Authority confirms, the following by-laws:

Name and commencement

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Local Government (Dataran Bandaraya) (Johor Bahru City Council) (Amendment) By-Laws 2020**.

(2) These By-Laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Amendment of by-law 2

2. The Local Government (Dataran Bandaraya) (Johor Bahru City Council) (Amendment) By-Laws 2010 [*J.P.U. 10/2011*] which is referred to as the “principal By-Laws” in these By-Laws is amended in by-law 2 by inserting after definition of “Mayor” the following new definition–

‘ “children” has the same meaning as the Children Act 2001 [*Act 611*];’.

New by-law 7A

3. The principal By-Laws is amended by inserting immediately after by-law 7, the following new by-laws:

“Prohibition of children under the age of 18 years

7A. (1) No child under age of 18 year is permitted to enter or/and be at the Dataran Bandaraya unless with supervision of parents, guardian, adult or others.

(2) No activity involving a children may be held except between 7.00 a.m. to 6.00 p.m.

Dated: 15 August 2018
[MBJB/U/2017/28/UUK/3]
[SUKJ.KT. 24/69/26(25); PPUUNJ. 600-1/2/17(2)]

DATO’ HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD
Mayor
Johor Bahru City Council

Confirmed: 28 October 2020
[Ringkasan Mesyuarat Bil.: 1186/2020]

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Clerk of the State Executive Council
Johore

Hakcipta Pencetak ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknyanya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2021
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
www.printnasiona.com.my, email.pnmbjb@printnasiona.com.my